



PEKELILING RASMI NAIB CANSELOR BIL. 5/2020

PELANJUTAN PENUTUPAN SEMENTARA UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling Rasmi Naib Canselor Bil. 5/2020 ini adalah bagi memaklumkan mengenai keputusan **Pelanjutan Penutupan Sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sehingga 14 April 2020** iaitu selaras dengan pelanjutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia melalui perutusan khas yang telah dibuat pada 25 Mac 2020, jam 1.00 tengahari.

2.0 PELAKSANAAN PENUTUPAN UTHM

- 2.1 Sebagai langkah membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin membimbangkan, Kerajaan telah mengumumkan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dibuat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
- 2.2 Selaras dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa **penutupan sementara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia meliputi Kampus Induk Parit Raja (termasuk Kampus Bandar) dan Kampus Cawangan Pagoh, serta sebuah pusat latihan iaitu Pusat Minda Emas (PuMAS) yang beroperasi di Tanjung Laboh adalah dilanjutkan sehingga 14 April 2020.**
- 2.3 Penutupan UTHM ini adalah melibatkan penangguhan keseluruhan operasi pentadbiran serta semua aktiviti pelajar dan akademik termasuk 'Pembelajaran Atas Talian' (FOC).
- 2.4 Sepanjang tempoh pelanjutan ini, semua staf adalah diarahkan untuk tidak memasuki mana-mana premis Universiti **kecuali** staf di dalam perkhidmatan kritikal iaitu Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, sebahagian daripada staf di Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan, Pengetua, Felo dan staf pentadbiran Kolej Kediaman serta mana-mana staf yang diarahkan bertugas oleh Ketua Pusat Tanggungjawab. Staf yang terlibat dikehendaki merekodkan kehadiran di mesin perakam kehadiran sekiranya diarahkan bertugas di dalam kawasan Universiti.

- 2.5 Bagi staf yang tidak dikategorikan di dalam perkhidmatan kritikal, staf akan diberikan status **Kebenaran Bekerja Dari Rumah** dan staf tidak perlu merekodkan kehadiran keluar masuk di kampus. Rekod kehadiran bagi semua staf yang terlibat akan dikemaskini secara automatik oleh Pejabat Pendaftar. Semua staf yang telah diberikan kebenaran ini hendaklah berada dalam keadaan sedia untuk dihubungi oleh Ketua Pusat Tanggungjawab masing-masing dalam tempoh waktu bekerja biasa yang ditetapkan.
- 2.6 Bagi memastikan operasi Universiti berjalan dengan baik, staf di bahagian operasi dan perkhidmatan penting seperti Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari dan lain-lain PTJ yang berkeperluan adalah dibenarkan untuk hadir ke pejabat dengan kebenaran Naib Canselor melalui surat dan senarai nama yang disahkan oleh Bahagian Governan. Tatacara yang berkaitan adalah sepertimana garis panduan yang telah dikeluarkan melalui Pekeliling Pengurusan Bil. 4 Tahun 2020 bertarikh 26 Mac 2020.
- 2.7 Para pelajar yang terlibat dengan penutupan premis UTHM ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa mengenai sebarang perkembangan terkini yang berkaitan, melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pejabat Timbalan Nab Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).
- 2.8 Para pelajar yang sedang dikuarantin dan yang sedang berada di Kolej Kediaman serta penempatan di luar kawasan kampus adalah diminta untuk kekal berada di penempatan sedia ada dengan semua aspek kebajikan dan keselamatan dijaga dengan baik oleh pihak Universiti.

3.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan. Adalah diharapkan agar semua pihak sentiasa mematuhi langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan peningkatan penularan COVID-19 dan sentiasa berada di bawah lindungan Allah SWT. Semoga semua warga UTHM sentiasa terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang benar,

YBHG PROF. DATUK TS. DR. WAHID BIN RAZZALY

Menjalankan Tugas Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
27 Mac 2020